



**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA STAF SARJAN MEJAR
APOT A/K SAAD MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
PENJEJAK DI OPERASI BAMBOO PADA TAHUN 1970**

DISEDIAKAN OLEH:

**MOHD ROHAIZAT BIN MAT JOHA@ MAT ISA
MOHD FAIZZUL BIN ZULKIFLI**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN JOHOR
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN
KURSUS IMR 604: DOKUMENTASI SEJARAH LISAN
SEMESTER 5 (SEPTEMBER 2014 – JANUARI 2015)**

ISI KANDUNGAN

Isi kandungan.....	i
Penghargaan.....	ii

WAWANCARA BERSAMA SARJAN MEJAR APOT A/K SAAD

1.0 Abstrak	1
2.0 Pengenalan	
2.1 Sejarah Penubuhan Pasukan Komando VAT69.....	2
2.2 Operasi Pasukan Komando VAT69.....	3
2.3 Logo Komando VAT69.....	4
3.0 Biodata Tokoh.....	5
4.0 Transkrip.....	6 - 59
5.0 Log Temubual	60 - 67
6.0 Kronologi	68 - 71
7.0 Indeks.....	71 - 80
8.0 Ralat.....	81
9.0 Senarai Rujukan.....	82
10.0 Lampiran.....	83 - 86
11.0 Index.....	87 - 90

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani, kami terlebih dahulu ingin mengucapkan syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, transkrip ini dapat disiapkan juga walaupun banyak proses dan cabaran yang terpaksa kami hadapi dalam menyiapkan transkrip ini. Sesungguhnya kami telah mendapat banyak sokongan dan bantuan daripada pelbagai pihak yang sudi bersama sama membantu kami dalam usaha ini.

Ucapan terima kasih kepada pihak bekas Komando VAT69, Encik Apot a/k Saad di atas kesudian beliau untuk ditemubual bagi keperluan kursus IMR604: Documentation Oral History. Segala kerjasama beliau semasa sesi temubual ini amat kami hargai.

Jutaan terima kasih juga kami ucapkan kepada pensyarah kesayangan kami, Puan Azura binti Kamruzzaman terhadap sokongan dan bantuan beliau dalam kami menyiapkan tugas ini. Segala tunjuk ajar dan panduan yang diberikan kepada kami sedikit sebanyak telah banyak membantu kami untuk menyiapkan tugas ini dengan baik dan lancar.

Tanda penghargaan juga untuk semua yang terlibat samada secara langsung mahupun tidak langsung dalam tugas ini. Tanpa sokongan dan tunjuk ajar yang jitu oleh semua pihak, pastinya tidak mungkin kami mampu menghasilkan transkrip ini untuk tatapan semua. Diharapkan segala informasi sepanjang temubual ini dijalankan dapat dikongsi dan dipelajari bersama. Pengalaman dan kepimpinan beliau dalam menjalankan tugas sedikit sebanyak mampu dijadikan contoh teladan untuk generasi yang akan datang supaya terus berjaya dalam apa-apa bidang yang bakal diceburi.

Terima kasih.

1.0 ABSTRAK

Mohd Rohaizat bin Mat Joha @ Mat Isa dan Mohd Faizzul bin Zulkifli telah mewawancara perwira Negara, bekas anggota Komando VAT69, Encik Apot a/k Saad di Kampar, Perak Darul Ridzuan. Temubual ini telah berlangsung pada 7 Disember 2014 pada pukul 12 tengahari di rumah beliau sendiri, Mambang Diawan, Perak. Temubual ini berkisahkan tentang pengalaman dan keperitan beliau sebagai seorang anggota Komando PDRM dalam menjalankan tugas mempertahankan tanah melayu daripada ancaman komunis. Beliau merupakan seorang anggota komando yang mahir dan mempunyai kelebihan istimewa dalam menjejak kesan jejak komunis. Pengalaman dan kepakaran beliau telah banyak memberi impak dan kesan yang teramat besar dalam setiap operasi, terutamanya dalam Operasi Bamboo yang turut berlaku di Perak. Sebagai perwira Negara, beliau telah banyak berkongsi pengalaman suka dan duka beliau, ia sedikit sebanyak memberi banyak iktibar dan menaikkan semangat cinta akan Negara. Beliau telah bersara sebagai Sarjan Mejar.

2.0 PENGENALAN

2.1 Sejarah Penubuhan Pasukan Komando VAT69

VAT69 (Very Able Troops 69) ialah pasukan Komando merupakan pasukan Operasi Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang berpangkalan di Markas Briged Utara Ulu Kinta, Perak. Pasukan VAT69 telah menerima latihan khusus daripada SAS (Special Air Service) pada tahun 1969. Pasukan VAT69 ditubuhkan bertujuan untuk membanteras sebarang kegiatan insurgesi oleh Parti Komunis Malaya. Dalam hal ini, nama 69 Komando ini diambil bersempena tahun 1969. 69 Komando ditubuhkan sebagai unit tempur khas bagi menghapuskan sebarang gerakan ancaman dan sebarang bentuk peperangan komunis seperti perang gerila oleh pengganas komunis.

Sementara itu, sepasukan jurulatih dari United Kingdom Special Air Service telah dihantar ke Fort Kemar Grik, Perak bagi melatih platun percubaan 69 Komando. Namun begitu, setelah menjalani latihan, hanya 30 orang sahaja yang berjaya dan merupakan pasukan 69 Komando yang pertama. Pada tahun 1970an, 69 Komandotelah dihantar untuk menghapuskan ancaman komunis di hutan. Pasukan 69 Komando memberi impak yang besar apabila berjaya membunuh ramai pengganas komunis dan berjaya menangkap pengganas komunis serta merampas senjata dan kelengkapan mereka. Kemudian, Pasukan 69 Komando telah dilatih oleh New Zealand Special Air Force yang boleh dianggap sebagai pasukan elit terbaik dunia. New Zealand SAS telah melatih para jurulatih 69 Komando yang terdiri daripada anak bangsa melayu sendiri. Program latihan ini telah berjaya.